

24/09/2003

Belia digesa manfaat Bajet 2004

Sobri Ahmad

MAJLIS Belia Malaysia (MBM) mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana berjaya menyediakan Bajet 2004 yang bersifat menyeluruh dengan memberi tumpuan kepada meluaskan asas pertumbuhan serta daya saing ekonomi, sekali gus memenuhi keperluan sosial terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Berdasarkan tumpuan bajet itu, MBM berpendapat kerajaan tidak mengabaikan tanggungjawab sosial, malah berpegang teguh kepada prinsip dan dasar untuk membela nasib, masa depan serta maruah rakyat Malaysia tanpa mengira masyarakat bandar mahu pun luar bandar.

Ini membuktikan dasar membela rakyat ini tidak hanya diucapkan pemimpin negara ketika menjelang pilihan raya, sebaliknya ia dilaksanakan sejak dulu lagi seperti Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional. Hasil daripada dasar inilah wujudnya hubungan sosial yang sihat di kalangan masyarakat majmuk, perkongsian nilai dan persepsi, persamaan identiti sebagai rakyat Malaysia serta kebudayaan yang mengekalkan warisan bangsa.

Presiden MBM, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo menyifatkan bajet kali ini paling menyeluruh dan berani bagi menghadapi cabaran ekonomi dan sosial dalam negara serta senario antarabangsa yang tidak menentu, di samping berjaya merangka kerjaya setiap lapisan masyarakat khususnya golongan belia.

Sehubungan itu, beliau yang juga Menteri Besar Selangor menyeru belia negara ini terutama lepasan sekolah supaya merebut peluang dan faedah yang disediakan dalam Bajet 2004 untuk memajukan diri, keluarga dan masyarakat dengan mengikuti program serta kursus kemahiran anjuran pusat latihan teknikal dan vokasional tempatan.

Ini berikutan pengumuman Kerajaan Pusat, untuk memperuntukkan RM500 juta melalui Tabung Pembangunan Kemahiran bagi membantu pelatih institusi kemahiran mendapat pinjaman, dalam usaha menyediakan lebih ramai tenaga kerja mahir dan memenuhi keperluan pasaran.

Justeru, MBM meminta pertubuhan gabungan dan badan bukan kerajaan (NGO) lain dapat menyahut seruan ini dengan mengadakan program dan aktiviti penerangan kepada ahli persatuan serta masyarakat setempat mengenai peluang yang ditawarkan oleh Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut Kemahiran Mara (IKM), Pusat Giat Mara, Institut Latihan Perindustrian (ILP) serta pusat latihan bertauliah yang menawarkan program pensijilan Majlis Latihan Kebangsaan (MLVK).

Langkah ini bukan saja membantu belia terbabit mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran, tetapi juga boleh mendorong mereka memenuhi pekerjaan di sektor industri. Secara tidak langsung mengetepikan pergantungan sektor berkenaan kepada buruh asing yang kurang mahir. Kesediaan belia kita menjadi pekerja mahir akan membolehkan syarikat tempatan menongkah arus dan mendapat tempat pada peringkat global.

Untuk merealisasikan hasrat ini, pusat latihan seperti IKBN, IKM, ILP, Giat MARA dan pusat MLVK disaran mengambil inisiatif untuk meningkatkan tahap kualiti program latihan dan kursus kemahiran masing-masing, di samping menggantikan peralatan jentera dan mesin lama dengan yang moden serta lebih canggih. Bagaimana hendak melahirkan tenaga mahir untuk pasaran industri sekarang dan masa depan jika belia kita dilatih dengan peralatan yang ketinggalan zaman?

Pada masa sama, MBM berharap agar peruntukan yang disediakan ini digunakan sebaik-baiknya demi melahirkan belia yang mempunyai kualiti serta berkemahiran tinggi.

Kelewatan bahagian Tabung Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia menangani masalah 90,000 permohonan daripada 729 pusat bertauliah MLVK tahun lalu, patut dijadikan iktibar oleh semua pihak. MBM tidak mahu

pelatih di pusat kemahiran terkandas pengajian mereka di pertengahan jalan, kerana hal seumpama ini hanya akan mensia-siakan potensi, minat serta masa depan mereka. Bukankah belia itu pewaris kita?

Di samping itu, MBM menggesa semua belia di negara ini agar bersikap lebih proaktif memanfaatkan Bajet 2004 serta tidak mudah terpengaruh dengan sifat dan agenda pihak tertentu yang cuba menggagalkan usaha kerajaan, untuk membimbing dan membantu belia menikmati hasil kemajuan negara. Sebaliknya, renungilah pesanan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kejayaan atau kegagalan seseorang banyak bergantung kepada dirinya sendiri. Bangsa yang dikelilingi oleh keadaan yang menekan boleh berjaya sedangkan bangsa yang mempunyai negara yang serba mewah mungkin lebih miskin dan lemah. Sebabnya ialah kualiti serta sifat yang ada pada bangsa-bangsa berkenaan.

SOBRI AHMAD,  
Naib Presiden,  
Majlis Belia Malaysia.